



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN TRENDS IN
SOCIAL SCIENCES
(IJMTSS)**
www.ijmtss.com



TOK KENALI: PENGGEMBLENGAN MODAL INSAN SATU TINJAUAN TERHADAP GENERASI PRA-KEMERDEKAAN

***TOK KENALI: THE MOBILAZATION OF 'HUMAN CAPITAL', A STUDY OF THE
GENERATION PRE-INDEPENDENCE DAY***

Adli Yaacob¹, Solehah Yaacob², Akmal Khuzairy Abd Rahman³, Hakimah Yaacob⁴, Bahrudin Yaacob⁵

¹ Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.
Email: adlihy@iium.edu.my

² Profesor Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

³ Profesor Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

⁴ Penolong Profesor Universiti Islam Sultan Syarif Ali, Brunei Darul Salam

⁵ Pegawai Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Article Info:

Article history:

Received date: 25.10.2021

Revised date: 15.11.2021

Accepted date: 10.12.2021

Published date: 31.12.2021

Abstrak:

Tok Kenali merupakan seorang ulama' yang boleh ditarikh bersama tokoh saf kepimpinan unggul di nusantara pada kurun ke-20 yang gigih mencari erti kebenaran serta memperjuangkan hak kebebasan terutamanya di negeri Kelantan. Pemilihan Tok kenali sebagai diantara tiga tokoh cendiakawan terhebat merupakan satu subjek yang ideal berdasarkan kepelbagaiannya kegiatan dan sumbangan beliau dalam merencanakan tamadun ilmu di kepulauan melayu khasnya. Semangat beliau yang ingin melihat satu perubahan dimensi masyarakat melayu pada waktu itu perlu dihargai dan hasrat itu telah berjaya merintis satu fenomena baru dalam membebaskan diri dan masyarakat dari belenggu penjajah dan kejahilan. Sumbangan Tok Kenali amat menyerlah pada

¹ Profesor Madya Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

² Profesor Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

³ Profesor Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

⁴ Penolong Profesor Universiti Islam Sultan Syarif Ali, Brunei Darul Salam.

⁵ Pegawai Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

To cite this document:

Yaacob, A., Yaacob, S., Abd Rahman, A. K., Yaacob, H., & Yaacob, B. (2021). Tok Kenali: Pengembangan Modal Insan Satu Tinjauan Terhadap Generasi Pra-Kemerdekaan. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 4 (18), 112-139.

DOI: 10.35631/IJMTSS.418010

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



tahun 1900 dalam bidang pendidikan dalam membangunkan budaya ilmu dikalangan masyarakat hingga membuka mata sebilangan rakyat melayu pada waktu itu untuk tampil kehadapan membawa kepentingan struktur pemerintahan yang dijajah dan memperkenalkan idea Islam yang menepati cara hidup manusia. Kerana ketokohan yang beliau miliki ini,, Tok Kenali telah dianggap sebagai tokoh yang membawa pembaharuan dalam dunia melayu dan menjunjung Islam sebagai agen pelengkap gaya hidup umat Muhammad SAW. Walaubagaimanapun, penglibatan beliau dalam kumpulan politik tidak begitu menonjol sebagaimana pejuang reformasi Islam yang lain. Beliau mempunyai caranya yang tersendiri untuk mengubah corak pemikiran masyarakat gugusan melayu pada waktu itu dengan menubuhkan institusi pondok dan beliau diantara tokoh yang begitu serius dalam membangunkan institusi ini samada di Kelantan dan di tempat lain.

Kata Kunci:

Ulamaa, Tokoh, Pondok, Murid, Institusi, Ilmu, Jahil, Optimis, Kepulauan Melayu

Abstract:

Tok Kenali is an ulama who can be regarded as one of the great leaders in the Malay Archipelago in the 20th century who diligently sought the meaning of truth and fought for the right to freedom, especially in the state of Kelantan. He is recognized as the greatest scholar of the three figures which is very ideal by the diversity of his activities and contributions to the civilization of the Malay Archipelago. His spirit that wanted to see a change in the dimensions of the Malay community at that time was worthy to be respected and that desire has successfully pioneered a new phenomenon in freeing themselves and society from the shackles of colonialism and ignorance. His contribution is very prominent in the 1900s in the field of education through developing a knowledge culture among the community thus opening the eyes of some people to come forward correcting the flaws of governance structure and introducing the ideas of Islam that meet people's lifestyles. Because of his prominence, Tok has been regarded as a leading figure in the reform of the Malay world and upholding Islam as the complement to people's lifestyles. However, his involvement in political groups was not as prominent as other Islamic reform activists. He has his own way to change the mindset of the people in the Malay Archipelago at that time by founding the Pondok institution and he is so serious about developing this institution either in Kelantan or elsewhere.

Keywords:

Scholars, Figure, Pondok, Student, Institution, Knowledge, Ignorance, Optimist, Malay Archipelago

Pendahuluan

Menarik untuk dinyatakan di sini bahawa Tok Kenali merupakan seorang tokoh yang begitu optimis dalam merencanakan usaha dakwah dan sentiasa menyuarakan idea bagi memperhebatkan lagi ajaran Islam khususnya di gugusan Kepulauan melayu. Beliau yang telah mendapat acuan dan didikan dari seorang Ulama'; yang hebat iaitu Shaykh Muhammad Zain al-fatani telah memainkan peranannya dalam mempengaruhi politik di kelantan. Tambahan lagi politik di Kelantan pada waktu ini sedang beralih arah dari tangan pemerintahan kerajaan Thailand kepada penguasaan penjajah British dan pada waktu itu beliau baru saja kembali dari kota suci Mekkah. Tok Kenali mempunyai rancangan untuk meletakkan Kelantan dibawah

pentadbiran kerajaan Khalifah Turki bagi memudahkan pelaksanaan wilayah Islam di negeri tersebut. Walaupun usaha beliau menemui kegagalan, namun citra da'wahnya tidak pernah terhenti dan beliau sentiasa memikirkan jalan yang terbaik untuk membebaskan negeri tersebut dari belenggu politik yang dimonopoli sepenuhnya oleh kuasa luar. Sesi pengajaran dakwah beliau sentiasa diberi sentuhan semangat memperjuangkan hak kebebasan dan menzahirkan segala kezaliman dengan memberi definisi sebenar politik menurut perspektif Islam. Sesungguhnya hubungan baik beliau dengan Dato' Nik Mahmud iaitu Menteri Besar kelantan yang merupakan sahabat pengajian beliau di Mekkah pada waktu itu telah mencambahkan pelbagai idea dan strategi bagi melumpuhkan organisasi British dalam politik Kelantan. Keserasian Tok Kenali dan Dato' Nik Mahmud dalam mengutarakan pendapat dan idea mengenai masa depan politik Kelantan telah mewujudkan satu hubungan baik antara ulama' dan pembesar ('ulama' dan umara'). Langkah permulaan ini telah berjaya merintis pelbagai kejayaan dalam mempengaruhi politik negeri tersebut sehingga negeri Kelantan telah menempa nama sebagai pusat pendidikan di gugusan kepulauan Melayu pada waktu itu.

Disebalik kejayaan beliau membawa Kelantan maju setapak kehadapan, Tok Kenali telah menghadapi sedikit kesulitan dalam melaksanakan dan merencanakan sistem baru pendidikan dan politik yang berteraskan Islam. Kesukaran ini disebabkan oleh tekanan daripada golongan penjajah yang membataskan kuasa media terhadap mereka dan mereka menghadapi kekurangan alatan dan material bagi meneruskan usaha-usaha murni tersebut. walaubagaimanapun, kesulitan tersebut tidak menghalang beliau untuk meneruskan kesinambungan pembangunan ilmu di Kelantan agar penduduk negeri tanah kelahirannya itu tidak ketinggalan dalam arus pembangunan intelek dan dalam masa yang sama dapat menerima Islam sebagai kamus pelembagaan hidup mereka. Impak daripada usaha-usaha ini, sejumlah besar cendiakawan yang mempunyai pelbagai kepakaran dalam pelbagai jenis lapangan ilmu telah dapat dilahirkan. Nama Tok Kenali kemudiannya semakin berpengaruh di kepulauan melayu dan langkah demi langkah beliau susuri perjalanan perjuangan bagi membebaskan negeri Kelantan dari terus jatuh ke tangan penjajah. Di samping merencanakan misi dakwahnya, beliau turut mewujudkan satu kumpulan yang berperanan menyuarakan hak kebebasan Kelantan tetapi konflik yang dihadapi oleh kumpulan tersebut dengan golongan nasionalis yang kononnya juga ingin meminta kebebasan, telah membantutkan usaha beliau dan secara tidak langsung peranan mereka semakin berkurangan.

Personaliti Tok Kenali jelas memperlihatkan ciri-ciri ulama' yang mempunyai ketinggian ilmu namun tetap mengekalkan ketinggian budi serta mempunyai hati yang cukup tawaduk dalam menjalani kehidupan sehari-hari dengan cara hidup yang sederhana. Bagi beliau kemewahan dan kekayaan hanyalah sedikit kemuliaan dari Allah namun kemuliaan yang lebih besar ialah apabila seseorang itu berjaya melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai khalifah dimuka bumi ini. Beliau sering menasihatkan kepada masyarakat supaya memanfaatkan harta kekayaan dengan cara yang sebaiknya dan memadailah untuk keperluan sehari-hari. Walaupun beliau hidup dalam kesederhanaan dan sentiasa merendah diri dalam pertuturnya, namun beliau sentiasa dilayan dan dipandang tinggi oleh masyarakat kerana ketinggian ilmu dan budi yang begitu menyerlah berkat keikhlasan beliau untuk membebaskan diri dan masyarakat dari kezaliman dan kejahilan. Beliau menyuntik kesedaran dikalangan masyarakat melalui kata-kata yang merangsang jiwa untuk sentiasa berubah kepada keadaan yang lebih baik. Diantara senandung nasihat yang menjadi halwa telingan masyarakat pada ketika itu ialah manusia boleh menjadi lebih mulia daripada Malaikat seandainya berjaya melaksanakan amanah dari Allah dan sentiasa menjauhi laranganNya. Namun martamat manusia itu lebih hina daripada haiwan sekiranya makhluk yang dikurniakan akal ini masih

mengisia-siakan kehidupan dan gagal berfungsi sebagai pentadbir alam sejagat. Beliau percaya manusia merupakan makhluk sosial yang perlukan kebebasan untuk menyuarakan pendapat dan perasaan serta ingin bebas memiliki ilmu pengetahuan bagi memajukan diri dan keluarga.

Tok Kenali juga dikenali sebagai Tok Guru yang mana istilah itu selalu dituturkan oleh masyarakat dalam tradisi masyarakat melayu kepada seseorang yang lebih tua dan pakar dalam sesuatu lapangan ilmu. Beliau telah membawa satu pendekatan baru melalui cara pemikiran dan personalitinya yang menepati tuntutan agama dan politik yang mana kedua-duanya tidak patut dipisahkan diantara satu dengan lain. Keterbukaan beliau dalam mengutarakan isu agama dan politik sebagai agen pembangunan ummah ini adalah hasil penglibatan beliau dalam lingkungan para penuntut di Masjid al-Haram. Beliau pernah melawat ke Mesir sebelum itu yang mana telah ditakdirkan berjumpa dengan seorang cendiakawan Islam yang hebat di sana iaitu shaykh Muhammad Abduh. Lawatan tersebut telah memberi satu impak positif kepadanya bagi merancakkan lagi sistem pendidikan di Kepulauan Melayu hasil pengamatannya sepanjang lawatan beliau di sana. Jelasnya di sini, usaha-usaha yang direncanakan oleh Tok Kenali banyak dipengaruhi oleh Shaykh Muhammad Abduh; yang mana majalah Pengasuh nukilan Tok Kenali juga merupakan inspirasi dari majalah al-Manar, karangan Shaykh Muhammad Abduh sendiri. Pengasuh telah menjadi suara masyarakat muslim pada waktu itu bagi meluahkan hasrat, idea, pandangan dan kritikan dalam masa yang sama bergandingan dengan majalah al-Imam hasil nukilan Sayyid Shaykh al-hadi. Melalui pengasuh, Tok Kenali telah menyuarakan perasaan beliau terhadap dunia melayu sebagaimana yang tercatat dibawah:

“Adakah melayu merupakan bangsa yang kuat dan boleh melahirkan insan yang mampu membentuk tamadun yang kompetitif sebagaimana bangsa Eropah, Amerika dan Jepun?...jawapannya ialah... sukar untuk digambarkan bahawa anak-anak melayu yang mampu untuk menguasai sesuatu kepakaran dan mampu memiliki ilmu berbanding dengan mereka yang sudah sedia mendapat keistimewaan ini”.

Kritikan sinis dari tok Kenali berdasarkan teks di atas jelas menunjukkan bahawa beliau merupakan seorang pemimpin yang bijak dan sentiasa prihatin dengan senario politik dan masa depan masyarakat melayu. Beliau sering menekankan kepentingan bersatu untuk memerangi penjajah dan bukan hanya memerangi mereka dengan mata pedang sahaja. Beliau juga berkata pendidikan amat penting untuk mengubah masa depan diri, keluarga, bangsa dan negara. Pendidikan yang sempurna akan melahirkan golongan cerdik pandai yang boleh menjamin kesejahteraan politik dan menjanjikan kebebasan serta keamanan negara. Sesungguhnya penulisan beliau menerusi majalah Pengasuh sebagai penanda telah bermulanya gerakan kebangkitan pemikiran Islam di Selatan Timur Asia. Majalah tersebut telah diterbitkan sebelum beberapa tahun kematiian Tok Kenali dan kemudiannya pernah dicetak semula di era tahun 60-an. Tok Kenali mempunyai minat yang besar dalam kesusastraan melayu dan tidak hairanlah sekiranya gaya penulisan beliau sentiasa mendapat perhatian dalam masyarakat. Beliau pernah menghasilkan koleksi Chetra Raja Muda dan banyak mengarang cerita –cerita pendek untuk tatapan umum. Indikasi ini jelas memperlihatkan kemampuan dan bakat Tok Kenali di bidang penulisan yang tidak perlu dipertikaikan.

Di bidang pendidikan, Tok Kenali merupakan seorang penterjemah buku-buku agama seperti Tafsir al-Khazin dan Tafsir Ibn Khatir tetapi kemudiannya beliau terpaksa berundur lebih awal meninggalkan profesion tersebut atas alasan kesihatan yang tidak mengizinkan beliau lebih lama berkhidmat. Selain pernah menterjemah kitab-kitab agama, Tok Kenali juga pernah membukukan kerja penulisan tatabahasa Arab yang diberi nama al-Durus al-Kenaliah al-

Ibtidaiah yang mana kemudiannya telah ditulis semula oleh pelajarnya iaitu Haji Salahuddin Pulau Pisang serta diterbitkannya. Berdasarkan kenyataan yang dibuat oleh Shaykh Idris al-Marbawi yang menjadi penulis pertama kamus Arab-Melayu bahawa beliau telah berjaya membukukan kamus pertamanya selepas pertama kali mendapat didikan daripada Tok kenali.

Selain terlibat secara aktif di dalam pelbagai kegiatan keagamaan dan kerja-kerja ilmiah, Tok Kenali masih mencari masa bagi menggerakkan organisasi Majlis Ulama' Kelantan dan beliau merupakan tulang belakang dalam organisasi yang ditubuhkannya itu. Beliau juga turut menubuhkan satu tempat yang dinamakan al-Jamiyat al-Asriyyah yang menjadi medan diskusi bagi membincangkan perkara-perkara yang penting dalam masyarakat. Kewujudan markas ini sekali lagi menjadi bukti sikap keterbukaan Tok Kenali yang boleh duduk sebumbung dengan pemimpin –pemimpin lain untuk mendengar pendapat di antara satu sama lain bagi kepentingan dan kemaslahatan rakyat. Walaupun sebilangan kecil golongan muda mengelaskan Tok Kenali sebagai ulama' golongan tua serta dianggap berfikiran sempit dan mempunyai ilmu pengetahuan yang terhad, namun Tok Kenali telah membuktikan bahawa beliau bukan seperti yang mereka sangkakan malahan mempuai cara pemikiran yang lebih fleksibel dan mampu menerima setiap pendapat dan kritikan lebih-lebih lagi mengenai proses modenisasi. Menurut beliau, Islam merupakan agama yang benar dan sesuai dijadikan perlembagaan hidup sepanjang zaman dan sudah menjadi tanggungjawab para ulama' dalam menterjemahkan bentuk pengajaran Islam menepati acuan dan mengikut peredaran zaman dan situasi tamadun sesuatu ketika itu. Beliau berpendapat bahawa pada waktu ini para ulama' perlu melengkapkan diri dengan ilmu agama yang cukup dan dalam masa yang sama mampu menguasai ilmu sains dan politik agar maju berkembang mengikut peredaran masa.

Tok Kenali telah meninggal dunia ketika berumur 65 tahun dengan meninggalkan buah tangan yang cukup berharga terhadap perkembangan budaya ilmu di Nusantara. Ulama' yang sangat produktif ini telah menghabiskan hampir satu pertiga daripada kehidupannya untuk mempelajari ilmu pengetahuan di Kota Mekkah. Kesempatan itu telah menjadikan beliau seorang ulama' yang fleksibel dalam mengutarakan isu ilmu dan dalam masa yang sama dapat memahami senario politik disekelilingnya. Kehadiran beliau di bumi melayu bagaikan lampu yang menyuluh kegelapan dan mengusir kejahilan ketika itu. Sumbangan beliau dalam merencanakan pembangunan tamadun ilmu dan berusaha menjelaki laluan ke mercu kebebasan Kelantan dari tekanan penjajah dan kejahilan tidak pernah terhenti sehingga saat beliau sendiri akur dengan ketentuan takdir yang menjemputnya ke pangkuhan ilahi.

Corak Kehidupan Masyarakat Dan Pembangunan Intelektual Yang Diusahakan Oleh Tok Kenali

Kelantan sebelum Kehadiran Tok Kenali

Menurut ahli sejarah yang terlibat dalam mengkaji sejarah negeri Kelantan bahawa Kelantan merupakan negeri pertama yang mempertontonkan ajaran Islam di semenanjung melayu. Terdapat dua bukti mengenai kedatangan Islam di Kelantan iaitu pertama penemuan matawang yang berukir nama Allah dan Muhammad yang bertarikh 577 hijrah (1181 AD)⁶ dan bukti kedua merupakan catatan pengembalaan Ibnu Battuta yang telah melawat ke Kuala Krai Kelantan yang bertarikh 345 AD⁷. Walaupun Melaka dianggap sebagai pintu yang membawa

⁶ Asad Shukri Haji Muda, 1962, **Sejarah Kelantan**, Kota Bharu, hlm.57

⁷ Ibid, hlm.79

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

masuk Islam di Tanah melayu tetapi fakta ini tidak boleh ditolak ketepi kerana pelaksaan ajaran Islam di kelantan pada waktu itu sememangnya begitu serius.

Secara keseluruhannya Kelantan boleh dianggap sebagai pusat pendidikan Islam dan peranan Sultan pada waktu itu dianggap paling penting dalam mengembangkan ajaran Islam di wilayah tersebut. Semasa kemunculan Dinasti baru yang diasaskan oleh Long Yunus (1780-1794 AD), beliau dikatakan seorang pemimpin yang warak dan berpegang kuat dengan agama Islam. Sultan yang menduduki tampuk pemerintahan Kelantan juga dikatakan begitu serius dalam membangunkan dan memperkuuhkan Islam di negeri tersebut. Diantaranya ialah Sultan Muhammad (1800-1835 AD) yang banyak membina rumah di Mekkah, Madinah dan Jeddah bagi memudahkan baginda melakukan ibadah Haji dengan kerap. Semasa Kelantan dibawah pemerintahan Sultan Muhammad 11 (1837-1886 AD) undang-undang Islam telah dilaksanakan di Kelantan keseluruhannya dan Al-Quran dan As-Sunnah telah menjadis dua sumber perundangan penting pada ketika itu. Pada waktu itu terdapat seorang ahli agama yang terkenal bernama Haji Wan Daud⁸ yang mana ditugaskan untuk mengajar tafsir Al-Quran pada setiap pagi selasa di ibu negeri Kelantan, Kota Bharu. Diantara pemerintah yang turut melaksanakan hukum Islam ialah Sultan Muhammad IV (1889-1890 AD) dan Sultan Mansur (1890-1900 AD).⁹

Sebelum kemunculan Tok Kenali di bumi Kelantan, negeri ini sudah dikenali sebagai pusat pendidikan yang mana terdapat penduduk dari wilayah lain yang turut datang ke sana untuk menuntut ilmu. Kebanyakan daripada penuntut di situ telah menjadi ahli agama serta dilantik menjadi mufti dan sebahagiannya dihantar ke wilayah sekitar kelantan untuk menjadi wakil perundingan agama dan pakar rujuk bagi hal-hal berkaitan agama Islam. Sebagai contoh, negeri Pahang yang diterajui oleh Sultan Ahmad (1844-1914AD) telah menerima kedatangan Haji Uthman sebagai mufti negeri tersebut. Di Johor pula, sekitar tahun 1889, Dato' haji Abdullah bin Musa telah dilantik menjadi mufti dan Dato' haji Muhammad Salih menjadi Hakim bagi mengadili undang-undang Islam yang dijalankan. Di arena sastera pula, kemunculan Neng Rumik mevariasikan lagi tokoh-tokoh hebat di bumi Kelantan yang mana beliau dianggap sebagai seorang penulis wanita yang hebat dengan mengarang puisi puisi berkaitan senario perang saudara di Kelantan.¹⁰

Diakhir abad ke-19, sebahagian ahli agama dari Kelantan telah dihantar ke Cambodia untuk menjadi guru agama seperti Shaykh Isma'il bin Muhammad Zain, Haji Awang Gemuk (Tok Kemboja) dan haji Ibrahim bin Haji Yusof. Gerakan kebangkitan risalah Islam semakin rancak di awal kurun ke 20 yang mana terdapat sekumpulan ahli agama Kelantan yang berperanan penting bagi menyampaikan risalah Islam seperti Haji Wan Muhammad Zain, haji wan Ahmad langsat, Haji Muhammad Nor bin Wan Ishak, Haji Abdul manaf bin Haji Idris dan Haji Salih Pintu Geng¹¹. Tok Kenali telah dilahirkan dipertengahan abad ke-19 dan pendidikannya bermula pada abad ke-20 sehingga bermulanya sejarah baru yang menjadi pentas kesinambungan sejarah kegemilangan ulama' yang terdahulu. Kelantan sebelum tahun 1909 adalah dibawah pengaruh kerajaan Thailand dan Sultan mempunyai tanggungjawab untuk menghantar bungan emas sebagai ufti di Bangkok. Sebagaimana yang telah dicatatkan sebelum

⁸ Muhammad Taib Uthman, 1961, *Hikayat Seri Kelantan*, Universiti Malaya,hlm 144-150

⁹ Haji Muda,1962,*passim*,hlm 81

¹⁰ Nik Muhammad bin Muhammad Salih,Chatitan Ringkas Tentang Sumber-Sumber Tempatan Mengenai Sejarah Kelantan, Journaal Persatuan Sejarah Kelantan, Kota Bharu,1,hlm 60

¹¹ **Tokoh dan Pokok Pemikiran Tok Kenali**, dikeluarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, Kuala Lumpur, 1983, hlm 3-4

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

ini, Tok Kenali telah cuba mengambil tempat kedudukan pemerintah Kelantan semasa proses pemindahan kuasa dari kerajaan Thailand kepada kuasa pemerintahan Britsh. Kesempatan itu telah membuatkan haji Wan Ahmad bin Haji Muhammad Zain bin Mutaffa al-Patani untuk berunding dengan khalifah Turki untuk meminta sokongan dan bantuan bagi mengurangkan pengaruh Thailand di Kelantan seterusnya menghalang kemaraan tentera British untuk menakluk negeri itu. Sebelum ini kerajaan Islam di Aceh, Riau, Bantan dan jawa tengah pernah meminta bantuan kerajaan Khalifah Turki untuk menentang kemaraan tentera Belanda di Indonesia pada tahun 1873 AD.¹²

Shaykh Muhammad Zain al-Pattani mempunyai cita-cita yang tinggi iaitu ingin membentuk satu negeri melayu yang bertunjangkan Islam di wilayah Pattani, Kelantan, Terengganu dan Cambodia. Oleh itu beliau telah dipertanggungjawabkan untuk membangunkan satu negeri yang mengikut corak pentadbirannya. Sebagai langkah pertama, beliau telah melantik Tok Kemboja¹³ untuk menjadi wakil bagi mendidik masyarakat Champ mengenali dan memahami politik serantau. Shaykh al-Pattani telah mencadangkan bahawa sebilangan masyarakat Champa perlu diantar ke institusi pondok di Kelantan sebelum mendapat pendidikan lanjut di Kota Mekkah. Peranan kelantan pada waktu itu bukan sahaja menjadi mercu pusat pendidikan namun telah menjadi medan latihan pemimpin politik menimba pengalaman dan ilmu. Institusi pondok di kelantan itu telah mencerminkan kewibawaan Tok kenali yang berjaya menarik sebilangan besar masyarakat selatan timur sebagaimana penduduk Champa datang menimba ilmu pengetahuan.

Latar Belakang Hidup Dan Pendidikan Awal Tok Kenali

Tok Kenali merupakan seorang tokoh agama yang cukup disegani selain dikenali sebagai ulama' sufi yang menjadi penasihat pertama dalam menerbitkan majalah Pengasuh. Beliau telah dilahirkan di Kampong Kenali Kubang Kerian iaitu lebih kurang 4.5 batu dari Kota Baharu pada tahun 1868 AD semasa Sultan Muhammad II (1837-1886 AD)berada dihujung pemerintahannya. Bapanya, Ahmad bin Abdul Samad merupakan seorang petani di tanah kelahirannya dan ibunya bernama Fatimah binti Muhammad Salih. Tok Kenali atau nama sebenarnya Muhammad Yusuf bin Ahmad telah diberikan panggilan Tok yang merujuk kepada seseorang yang mempunyai ilmu agama yang banyak dan luas manakala Kenali pula diambil sempena tempat kelahirannya di kampong Kenali. Walaupun dilahirkan dalam suasana hidup yang miskin dan tidak memiliki apa-apa tetapi beliau kaya dengan budi bahasa dan ketinggian peribadi serta mempunyai kepercayaan dan pegangan agama yang kuat.¹⁴

Bapanya telah pergi meyahut panggilan ilahi sewaktu beliau berumur lima tahun di waktu beliau amat memerlukan kasih sayang dan perhatian dari bapanya. Kemudiannya beliau telah dijaga serta mendapat didikan yang sempurna oleh datuknya. Zaman kanak-kanaknya penuh dengan pengisian ilmu agama yang amat berguna untuk masa depan Tok kenali. Beliau telah didedahkan dengan pengajian al-Quran dan ilmu agama dan situasi ini telah mempengaruhi personaliti Tok Kenali untuk menjadi seorang manusia yang amat menghargai ilmu dan pengetahuan. Neneknya pula Tok Mek Ngah turut mendidik beliau berkenaan sesuatu yang berguna untuk kehidupannya termasuklah soal sumber makanan yang diperolehi dan mendedahkan beliau tentang makanan-makanan yang dilarang untuk dimakan dan memberi

¹² Anthony Reid, 1969, **The Contest of North Sumatra**, Universiti Malaya Press, Kuala Lumpur, hlm120-125

¹³ Isma'il Awang, Mufti Haji Wan Musa (1874-1939),1977, **Pengasuh**, hlm 26

¹⁴ Abdullah al-Qari, 1967, **Sejarah Hidup Tok Kenali**, Kelantan,hlm.12

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

kesan yang buruk terhadap kehidupan masa hadapan.¹⁵ Gabungan didikan dari datuk dan neneknya, beliau membesar sebagai insan yang fleksibel dalam perkara agama dan pengalaman hidup.

Kelahiran Tok Kenali sebagai satu anugerah kepada dunia citra melayu. Beliau seorang insan yang cukup berbakat dalam menerajui pelbagai ilmu dan bersedia membaiki kelemahan dan kekurangan yang ada pada dirinya. Kesungguhan dan kegigihan beliau dalam menguasai ilmu agama dapat dizahirkan melalui usahanya menghabiskan seluruh bacaan al-qurannya dalam masa yang singkat dan mampu menulis ayat al-Quran dengan baik. Seawal umur tujuh hingga lapan tahun, beliau telah menjadi kerani Tok Kweng dengan membantu beliau mengira dan melakukan pelbagai kerja yang berkaitaan dengan penanaman padi, mengira buah kelapa dan buah durian.¹⁶ Pada tahun 1878 AD, sewaktu beliau berumur sembilan tahun beliau telah mengambil keputusan untuk belajar di Kota Bharu dengan berjalan kaki sejauh empat batu berulang alik dari rumahnya. Masjid Kota Bharu menjadi saksi pengorbanan dan ketekunan Tok Kenali untuk menimba ilmu daripada pengawai-pengawai masjid yang terdiri daripada sebahagian besar tokoh agama di Kelantan pada waktu itu. Masjid itu telah dipenuhi dengan pelajar-pelajar pondok yang mempelajari ilmu dengan seorang tokoh agama yang terkenal iaitu Tuan Tabal,¹⁷ Haji Wan Isma'il, haji Abbas, haji Isma'il Qadi,¹⁸ dato' haji abdullah, haji Awang, Haji Nik Abdullah¹⁹ dan Haji Nik Daud.²⁰

Pengajian Tok Kenali Di Bumi Mekkah

Sewaktu beliau berumur lapan belas tahun, Tok Kenali telah mengerjakan Haji di Mekkah dan terus melanjutkan pengajiannya di sana. Masjid al-Haram telah menjalankan fungsinya sebagai pusat perkembangan ilmu selain menjadi tempat ibadah pada ketika itu. Masjid Nabawi di madinah juga turut memainkan peranan dalam mengembangkan pengajian ilmu agama pada ketika itu. Di antara mata pelajaran yang diajar di sana ialah perundangan Islam, sastera Arab, ilmu Tasawwuf yang merangkumi ajaran sufi serta pengajian tafsir al-Quran dan al-Hadith.²¹ Tok Kenali telah banyak mendampingi tokoh-tokoh agama yang mempunyai ilmu pengetahuan yang luas termasuklah Sayyid al-bakri, Sayyid Abdullah bin Sayyid Muhammad Salih al-Zawawi, mufti Kota mekkah pada ketika itu. Tokoh-tokoh agama yang datang dari seberang selatan timur juga mempunyai peranan yang tersendiri dalam membangunkan sistem pendidikan di sana pada waktu itu, diantaranya ialah Shaykh Wan Ahmad bin Muhammad Zain

¹⁵ Ibid, hlm14

¹⁶ Abdullah al-Qari, 1988, **Sikap Dan Pandangan Tok Kenali**, Kelantan, hlm.17

¹⁷ Beliau merupakan seorang ulama' yang terkenal sebelum kemunculan Tok Kenali. Beliau juga menulis beberapa buah buku mengenai ajaran sufi dan perundangan Islam seperti *Bidayah Ta'lim al-Awam*, *Kifayah al-Awam*, *Manhah al-Qarib al-Mujib*, *Manbah al-Ghafilin*, *Jala' al-Qulub* dan *Maniah Ahl-al Awbah*.lihat Isma'il Awang, 'Tuan Tabal', Pengasuh, November 1976, hlm.26-29

¹⁸ Bapa kepada Dato' nik Mahmud (Menteri Besar Kelantan sewaktu hidup Tok Kenali) lihat al-Qari, **Detik-Detik Sejarah Hidup Tok Kenali**, 1988, hlm.34

¹⁹ Beliau merupakan ahli ulama' penting di Kelantan dan telah dilantik menjadi Mufti Johor untuk beberapa tahun. Beliau lebih dikenali sebagai Tok Hakim Johor. Lihat al-Qari, **Detik-Detik sejarah Hidup Tok Kenali**, 1988, hlm.34

²⁰ **Tokoh dan Pemikiran Tok Kenali**, 1983,hlm.23-24

²¹ Al-Qari, 1988,*passim*,hlm.22-25

al-Patani,²² Shaykh Mukhtar Atarid al-Jawi al-Batawi,²³ Shaykh Ahmad bin Abdul latif al-Khatib bin Abdullah al-Minangkabau,²⁴ Haji Wan Ahmad Kutan,²⁵ Shaykh Muhammad bin Isma'il Daud al-patani²⁶ dan haji Muhammad Daud.

Dikalangan guru-gurunya di sana, Tok Kenali lebih banyak menumpukan pengajiannya bersama Shaykh Muhammad Zain al-fatani dan nama beliau mula di kenali sebagai Tok kenali. Shaykh Muhammad Zain al-Patani telah banyak membantu beliau terutamanya dari segi pembentukan sahsiah dan personaliti serta mendedahkan diri Tok Kenali dengan suasana politik disekelilingnya. Ketokohan Shaykh Muhammad Zain dapat dilihat apabila terdapat ramai anak muridnya yang tampil sebagai perintis reformasi dunia Islam dengan menghalang dan menentang penjajahan British dan Belanda di Malaysia dan Indonesia. Shaykh Muhammad zain merupakan seorang tokoh agama yang mempunyai ketinggian ilmu dan banyak mengarang buku-buku yang merangkumi pelbagai lapangan ilmu pengetahuan.

Tok kenali setelah menamatkan pelajarannya adalah merupakan seorang guru yang berpengetahuan luas dan seorang penulis yang terkenal dalam pelbagai bidang ilmu. selaku selain bergelar penulis yang berpengaruh, beliau juga merupakan ketua daripada empat puluh tujuh peraturan ilmu pengetahuan. Kedudukannya di pandang tinggi bukan sahaja oleh pelajar-pelajar Melayu bahkan juga para pelajar bukan Melayu. Beliau pernah didatangi oleh seorang ulama` Belanda iaitu *Snouck Hargronje*, yang memberitahu bahawa Sheikh Muhammad zain al Patani ialah seorang yang terkenal di kalangan pelajar dan merupakan seorang ulama` yang berpengetahuan luas. Tok Kenali dan Tok Kemboja adalah merupakan dua orang pelajar yang istimewa dan disayangi oleh Sheikh Muhammad Zain dan beliau selalu menggalakkan mereka untuk menjadi perintis pembaharuan pada masa akan datang.²⁷

²² Beliau merupakan ahli agama yang unggul dan hebat di awal kurun ke-19 yang mana beliau tinggal dan menjadi penulis di Mekkah. Beliau memiliki kepakaran dalam empat puluh tujuh cabang ilmu dan pernah menulis enam belas buku yang meliputi pelbagai jenis ilmu termasuk ilmu perubatan. Lihat Muhammad salih, **Chatitan Ringkas Tentang Sumber-Sumber Tempatan Mengenai Sejarah Kelantan**, Journal Persatuan sejarah Kelantan, hlm.40-50

²³ Beliau merupakan salah seorang guru Tok Kenali. Beliau banyak menulis buku yang ditulis dalam bahasa Arab dan beberapa buah buku di dalam bahasa melayu seperti *Kitab usul-al-din 'Itiqad Ahl al-Sunnah wa-jama'ah, al-Risalah al-Wahbah al-Ilahiah*. Beliau pernah terlibat dalam pergerakan pembentukan Islam (Serekat Islam pada 11 Nov 1911) di Indonesia denagn menentang penjajahan Belanda. Lihat Isma'il mat, **Ulama' Silam Dalam Kenangan**, Kuala Lumpur, 1988, hlm.36

²⁴ Beliau telah datang dari Minangkabau, Indonesia sekitar tahun 1876 selain pernah menjadi guru, beliau juga pernah menjadi juru pidato di MasjidilHaram. Buku-buk yang pernah dikarangnya ialah Izhar Zaghal al-Kazibin dan fath al-Mubin. Beliau meninggal dunia pada tahun 1917. lihat Isma'il Awang, **Shaykh Ahmad bin Abdul latif al-Khatib al-Minangkabau**, Pengasuh, februari 1975, hlm. 17-21

²⁵ Beliau merupakan seorang ulama' yang terkenal sebelum Tok Kenali. Dilahirkan pada tahun 1837 di Kutan iaitu satu tempat diantara Pasir mas dan Kota Bahru, Kelantan. Beliau pernah menyusun buku al_Jauhar al-Mauhub, zahrah al-Marid,Lam'ah al-Awrad, majma' al-qasa'id wa-al-awa'id. Beliau meninggal dunia pada 1912 di Mekkah. Lihat Che Daud, 1975, **Wan "Ali Kutan"**, Pengasuh,hlm.21

²⁶ Beliau merupakan cucu kepada Shaykh Daud al-pattani dan diantara ulama' yang unggul di semenanjung Melayu di awal kurun ke-19. beliau dikenali sebagai shaykh Nik Mat Kecik. Dilahirkan pada tahun 1837 dan meninggal dunia pada tahun 1912. diantara karya-karyanya ialah matla' al-Badrain wa Majmu' al-Badrain, Washa al-Aqrab Bahr al-Wafi wa al-nahar al-Safi, al-dar al-basim, al-kaukab al-dari and sawati al-barq. Lihat Ismail Awang, Julai 1976, '**Shaykh Daud al-Pattani'**, Pengasuh,hlm37

²⁷ **Tokoh dan Pemikiran Tok Kenali**,hlm5

Sebagaimana yang telah tercatat sebelum ini bahawa Tok Kenali berasal dari sebuah keluarga yang miskin, dan perjalanan hidupnya sebagai seorang gipsi ilmu di Kota Mekkah juga adalah melalui bantuan dan ihsan daripada rakan-rakan dan orang-orang kenamaan di Kota Bharu. Ketika beliau menjelaki bumi Mekah, beliau hanya mempunyai sedikit wang dan terpaksa menempuh pelbagai kesusahan dan kesukaran. Kesempitan hidup ini memaksa beliau tinggal di serambi Masjidil Haram selama hampir tujuh bulan, di mana tempat ini hanya boleh duduk untuk berehat selepas waktu tengah malam. Beliau hanya memiliki pakaian yang terhad dan sedikit wang untuk membeli makanan. Untuk meneruskan hidup di sana, beliau membantu kawan-kawannya menyediakan makanan untuk perkelahan. Tok Kenali akan setia menunggu di sekitar lembah di luar Bandar di sana untuk menanti kepulangan rakan-rakannya dengan mengharapkan pemberian lebihan makanan atau sedikit wang untuknya. Walaupun kehidupan yang beliau lalui amat sukar, namun Tok kenali tidak pernah merintih dan sentiasa bersabar demi mencari sesuatu yang bermakna untuk hidupnya.

Sebelum beliau melanjutkan pengajiannya di Mekah, Tok Kenali merupakan seorang guru yang sangat mahir dalam tatabahasa Bahasa Arab dan beberapa mata pelajaran yang berkaitan dengan pengajaran Islam. Kelebihan ini menyebabkan beliau mudah untuk mengikuti setiap cabang ilmu pengetahuan Islam yang lain. Kriteria ini telah melayakkkan beliau untuk belajar di Mekah tetapi malangnya beliau tidak mampu untuk membeli buku-buku pelajaran kerana terlalu miskin. Beliau hanya mampu mendengar segala apa yang dilafazkan oleh guru-gurunya dan terpaksa meminjam buku yang dijual di kedai buku setiap kali beliau ingin mengulangkaji pelajaran. Beliau juga meminta keizinan untuk meminjam buku-buku daripada guru-gurunya dan sentiasa membincangkan tentang kitab-kitab yang terdapat di masjidil Haram. Dengan cara ini, beliau dapat menimba ilmu pengetahuan dalam pelbagai mata pelajaran yang berlainan. Apabila kedudukan kewangannya bertambah baik, beliau membeli buku dan menjualnya semula kepada rakan-rakan yang memerlukan setelah beliau habis membaca dan mengingatinya.

Tok Kenali sering membaca dan memeriksa manuskrip-manuskrip terlebih dahulu serta menggabungkan pembelajaran dengan pengalamannya sendiri sebelum beliau menghadiri pembelajaran secara halaqah. Cara ini membuatkan beliau mendapat memahami sesuatu pelajaran dengan baik dan dapat mengelakkan sebarang kekeliruan. Pembacaan yang dilakukan secara produktif, kritis dan gigih ini merupakan elemen utama peningkatan mutu pelajaran beliau di sana.

Pulang Ke Kelantan

Pada tahun 1908 beliau kembali ke kampung halamannya setelah guru kesayangan, Syakh al-Pattani meninggal dunia. Majalah *Pengasuh* mencatatkan kerinduan Tok kenali terhadap gurunya dan sanggup bersama gurunya sekiranya beliau masih hidup. Di Kelantan beliau mula membuka kelas-kelas pengajian ilmu untuk penduduk-penduduk di situ. Cara pembelajaran yang diperkenalkan oleh Tok Kenali di sana hampir sama dengan cara pembelajaran yang dilakukan oleh al-Jahiz, seorang ulama` terkemuka pada zaman Khalifah Abbasiyyah. Di awal langkah penglibatan beliau sebagai guru di tanah kelahirannya, beliau hanya mempunyai tiga orang pelajar sahaja, tetapi tidak beberapa lama kemudiannya, semakin ramai penduduk-penduduk yang datang dari kampung-kampung berhampiran dan luar kawasannya untuk menimba ilmu agama.. penambahan para pelajar Tok Kenali membawa hasrat beliau untuk mendirikan sebuah *pondok* di rumahnya secara tradisional. Beberapa tahun kemudiannya, nama Tok Kenali semakin mashyur di kalangan rakyat Kelantan dan juga di kalangan pelajar-pelajar yang belajar di Masjid al-Muhammadi Kota Bharu. Institusi pondok yang diusahakan

secara tradisional itu ternyata telah menjadi pintu masuk perkembangan ilmu agama di kelantan Kemasyhuran beliau semakin tersebar dan semakin ramai pelajar-pelajar berkumpul di rumah beliau sehingga mencecah ribuan orang.

Pada tahun 1915, Nik Mahmud²⁸ yang pernah menjadi sahabat karibnya di Kota Mekkah telah meminta beliau untuk mengajar di Masjid Muhammadi²⁹ sekali dalam seminggu. Nik Mahmud merupakan penolong menteri besar Kelantan pada ketika itu. Ini bermakna beliau mengajar dua buah institusi pada masa yang sama. Selepas setahun mengajar di institusi negeri, beliau telah dilantik sebagai imam di Masjid Muhammadi pada 5 Ogos 1917.

Penubuhan Majlis Agama Islam Negeri

Sekitar tahun 1915, Tok Kenali bersama dua orang ulama` terkenal di Kelantan iaitu Haji Nik Mahamud Isma`il dan Haji Muhammad Sa`id telah mencadangkan kepada Sultan Kelantan (Sultan Muhammad IV) supaya menubuhkan sebuah Majlis Agama Islam. Sehubungan dengan itu, pada 7 Disember 1915, Majlis Agama Islam telah ditubuhkan dan diasaskan oleh Sultan Kelantan. Tok Kenali telah dilantik sebagai salah seorang ahli majlis tersebut, iaitu satu-satunya jawatan yang dipegang sehingga akhir hayat beliau. Objektif utama penubuhan Majlis ini adalah untuk mengekalkan hak istimewa dan kedudukan Islam sebagai agama rasmi, dan untuk meguruskan kebijakan yang berkaitan dengan pendidikan dan kebudayaan. Di antara kebaikan yang di perolehi daripada penubuhan Majlis ini ialah seperti :

- 1- Pemiawaian kurikulum di Sekolah Muhammadi.
- 2- Pemiawaian kurikulum di Masjid Muhammadi.
- 3- Pemiawaian kurikulum untuk pembelajaran di masjid di setiap kampung.
- 4- Pemiawaian kurikulum untuk mengajar banduan dan polis.
- 5- Pemiawaian kurikulum untuk teknik mengajar kepada *Mubaligh*. (s.g)
- 6- Penubuhan pejabat Mufti.
- 7- Penubuhan pejabat penterjemahan.
- 8- Penubuhan percetakan kerajaan.
- 9- Penubuhan perpustakaan rasmi negeri.
- 10- Percetakan bulanan majalah *Pengasuh* pada 24-2-1918, (Tok Kenali merupakan pengarang pertama majalah tersebut)

Walaupun Tok Kenali memegang berbagai jawatan (Imam Masjid Muhammadi, Ketua *pondok*, pengarang majalah *Pengasuh*, pengarang rasmi buku teks untuk *Sekolah Muhammadi* dan *Masjid Muhammadi* di bawah perhatian Majlis Agama Islam Negeri (s.g) dan ahli Majlis Agama Islam Negeri (s.g)), beliau masih lagi menghasilkan banyak nukilan dalam majalah *Pengasuh* dan majalah *al-Hidayah*.

Kebanyakan artikel-artikel hasil penulisan beliau yang terdapat di dalam majalah-majalah ini adalah berkenaan dengan Islam, bahkan beliau juga menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan pembaca di dalam majalah *Pengasuh*. Majalah ini telah menjadi bahan terbitan terulung di Malaysia yang membawa pendekatan dan idea-idea baru kepada manusia selepas

²⁸ Beliau merupakan anak kepada seorang guru di kelantan dan merupakan seorang rakan baik Tok Kenali. Beliau kemudiannya telah dilantik menjadi Menteri besar di Kelantan

²⁹ Haji Nik Hassan, **Sejarah perkembangan Ulama' Kelantan**, hlm.63
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

majalah *al-Imam*. Pada waktu itu, majalah *al-Imam* memainkan peranannya dalam menyampaikan idea tentang kemerdekaan dan kepentingan menubuhkan negara yang bebas dari cengkaman penjajah manakala majalah *Pengasuh* pula memainkan peranan utama dalam mengajar tentang hakikat sebenar Islam. Tok Kenali juga telah menghasilkan jurnal bulanan sebagai satu pendekatan dan pembaharuan terhadap isi kandungan majalah Pengasuh. Pengarang-pengarang yang lain yang terlibat dalam menghasilkan majalah-majalah ini turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pemikiran masyarakat bukan hanya dikalangan rakyat Kelantan, bahkan juga rakyat negeri-negeri lain dan juga negara jiran seperti Cambodia, Indonesia dan Thailand. Ini dapat di lihat daripada surat-surat dan artikel-artikel pembaca yang datang dari pelbagai daerah dan negeri di dalam ruangan soal jawab yang dikendalikan oleh Tok Kenali.³⁰

Pada tahun 1917, sistem pembelajaran di Sekolah Muhammadi telah di bahagikan kepada tiga unit bahasa iaitu; Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab. Sistem ini di sesuaikan bagi memenuhi permintaan setiap negeri, yang mahu menyediakan pekerja-pekerja awam yang mampu bertutur dalam pelbagai bahasa. Mata pelajaran yang diajar di Sekolah Muhammadi telah di pilih mengikut kessuaian bagi memuaskan permintaan semasa. Di antara mata pelajaran yang termasuk di dalam sukatan pelajaran ialah Tatabahasa Arab, Morfologi Arab, Geografi, Undang-Undang Islam, Perniagaan, Pengucapan Awam dan lain-lain lagi.

Sebagaimana yang di ketahui, Tok Kenali dan ahli jawatankuasa Majlis telah melakukan piawaian terhadap kurikulum di Sekolah Muhammadi, Masjid Muhammadi dan juga sekolah-sekolah Sekular di bawah penyeliaan negeri. Hasilnya, bilangan pelajar bertambah secara mendadak, selaras dengan peningkatan mutu pendidikan. Berdasarkan laporan daripada Menteri Besar Negeri Kelantan, Dato` Nik Mahmud Isma`il, pada 28 April 1932 bilangan pelajar di Sekolah Muhammadi dan Masjid Muhammadi adalah seramai 1199 orang, dan 3659 orang pelajar di sekolah Sekular. Jumlah keseluruhan pelajar adalah seramai 4858.³¹ Tok Kenali adalah merupakan penggerak utama di sebalik kemajuan dan perkembangan ilmu di Kelantan selain memegang beberapa jawatan penting berhubung dengan perkembangan pendidikan Islam dan kemajuan budaya Malaysia di Kelantan. Beliau telah mengajar di Masjid Muhammadi dari tahun 1910 sehingga akhir hayatnya dan merupakan Imam institusi tersebut dari tahun 1917 hingga 1925. selain daripada itu, beliau berperanan sebagai ketua pendidikan Islam di negeri ini, sebagai penolong Mufti dan salah seorang ahli Majlis Islam bermula tahun 1915 sehingga akhir hayatnya. Selain itu, beliau telah diberi penghormatan sebagai Ketua Pengarang majalah Pengasuh dari 11 Julai 1918 sehingga 19 Oktober 1919 apabila majlis mula menerbitkan majalah *Pengasuh* dua minggu sekali selepas itu Beliau telah di beri kepercayaan oleh pihak majlis untuk menterjemahkan buku *al-Umm*, *Tafsir al-Khazin* dan *Tafsir Ibnu Kathir* ke dalam Bahasa Melayu tetapi malangnya, kerja-kerja ini tidak dapat di siapkan kerana keuzuran beliau³². Dalam bidang sastera, beliau merupakan seorang penasihat tidak rasmi kepada Ahmad bin Isma`il, ketua editor jurnal bulanan *al-Hidayah*, yang mana majalah ini telah di rasmikan pada bulan Julai 1923. Ahmad bin Isma`il sering meminta nasihat dan cadangan daripada Tok Kenali bagi memperhebatkan lagi kandungan majalah tersebut. Secara umumnya, beliau adalah seorang pencinta ilmu sebagaimana yang di ketahui daripada kisah-kisah masa silamnya. Di antara contoh buku-buku yang menjadi koleksi bacaan beliau adalah

³⁰ Al-Qari, **Sumbangan Tok Kenali kepada Dunia Ilmu**, hlm.6

³¹ Tokoh dan Pemikiran Tok Kenali, *Passim*, hlm.71

³² Isma`il Che Daud, 1988, **Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu** (1), Kota Bahru, hlm.122

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

seperti *Chetra Raja Muda*, satu sumber yang penting tentang sejarah Kelantan yang kemudiannya telah di kenali sebagai *Hikayat Seri Kelantan*.³³

Melihat kepada kedudukan penting yang di pegang oleh Tok Kenali semasa hayatnya serta semangat dan khidmat dedikasi beliau tidak hairanlah sekiranya nama beliau tetap dikenang sebagai ulama' yang fleksibel dan unggul serta membawa pengaruh yang besar terhadap sistem pendidikan di Kelantan. Kemuncak pengaruh ini adalah pada zaman kegemilangan Sultan Muhammad IV (1900-1920) dan juga semasa pemerintahan Sultan Isma`il (1920-1944) yang turut serta menyumbangkan usaha-usaha kemajuan negeri Kelantan, terutama sekali dari segi kemajuan agama Islam. Kedua-dua sultan ini juga menghormati pengaruh yang telah di bawa oleh Tok Kenali. Tambahan lagi apabila beliau mempunyai hubungan yang rapat dengan Nik Mahmud Isma`il, Menteri Besar pada ketika itu. Selepas berjuang mencapai kemajuan dan pembangunan rakyat, terutamanya dalam bidang pendidikan. Tok Kenali akhirnya telah menghembuskan nafas terakhir pada pagi Sabtu, 19 November 1933 ketika beliau berusia 65 tahun. Tok Kenali telah di kebumikan di kubur berhampiran dengan rumah beliau dan hingga kini dikenali sebagai *Kubur Tok Kenali*. Pengebumian beliau telah di hadiri seramai lebih daripada dua ribu lima ratus orang yang turut berkabung³⁴ sempena pemergian tokoh yang cukup disenangi ini. Hari ini, kubur beliau masih lagi di lawati oleh ramai orang terutamanya para pelajar beliau yang sudah tua dan berada di merata tempat di seluruh Malaysia.

Prinsip Dan Keperibadian Tok Kenali

Jika di perhatikan pada ciri-ciri semulajadi keperibadian beliau, Tok Kenali banyak di pengaruhi oleh pengajaran seorang ahli filosofi Islam yang cukup terkenal iaitu Imam al-Ghazali, seorang Sufi yang menakjubkan yang telah memperolehi kebenaran melalui pemahaman peramat tersendiri dan anugerah dari Allah. Begitu juga keadaan Tok kenali yang berharap untuk menyebarkan keseronokan dan kesucian ini semasa hayat beliau. Ketinggian ilmu dan budi jelas terbukti daripada perjalanan hidupnya yang sentiasa disanjungi oleh orang ramai dan dihormati oleh bangsa-bangsa lain.. Doa al-Ghazali yang terdapat di dalam buku *Ayyuha al-Walad* adalah merupakan sebahagian cara hidup yang cuba ditonjolkan oleh Tok Kenali dan di kalangan rakyat Kelantan dan doa itu juga dipanggil *Doa Tok Kenali* yangberbunyi:

“Wahai Tuhanmu, ingin sekali aku bermohon untuk memiliki kesempurnaan dariMu,
kesihatan yang berkekalan, keampunan yang berpanjangan, dan tenaga yang dapat
digunakan. Daku merayu kepadaMu agar dapat ku memiliki kesenangan di dalam hidup ini,
puncak keberkatan umur dan kebahagiaan yang sempurna serta membentangkan anugerah
dan rahmatMu yang mana memberi faedah kepada diriku. Tuhanmu, bantulah kami dan usah
diKau menganiaya kami, wahai tuhan kami, jadikan kehidupan kami di akhirat sebagai
kehidupan yang sejahtera, memenuhi keinginan kami dengan rahmatMu, sertaikanlah kami
dengan kekuatan disepanjang hari-hari kami.

Wahai tuhan kami, kasihanilah kami di dunia dan diakhirat dan berikanlah kami keampunan
diatas dosa-dosa kami. Maafkan setiap kemaksiatan yang kami lakukan dan terus kan usaha
kami terhadap agamaMu. Kepada Engkau kami berserah dan kepada engkau kami
bergantung”³⁵

³³ Tokoh dan pemikiran Tok Kenali,*passim*,hlm.50

³⁴ Ibid,hlm.74

³⁵ Teks asal yang dipetik oleh Abdullah al-Qari,1963, **Kekeramatian Tok Kenali**, Kelantan,hlm.23
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Ketinggian ilmu dan budi yang dimiliki oleh Tok kenali membuatkan sebahagian masyarakat menggelarkannya seorang wali Allah (manusia suci). Kesederhanaan hidupnya serta personaliti yang cukup bersahaja menampilkkan imej zuhudnya sentiasa mencuri tumpuan masyarakat. Beliau mengatur kehidupannya dengan usaha dan kudrat dirinya sendiri tanpa mengambil faedah dan kepentingan oranglain. Beliau lebih suka berjalan kaki dari menunggang kenderaan dan mengatur perbelanjaan hariannya dengan begitu cermat. Masa beliau banyak dihabiskan di masjid dan kadangkala tidur di sana dengan berbantalkan lengan. Keadaan ini bukan untuk menterjemahkan kemiskinan atau kesusahan Tok kenali, tetapi apa yang lebih utama ialah untuk menzahirkan kehidupan beliau yang lebih suka memilih untuk hidup sederhana walaupun beliau sendiri mampu untuk memiliki kesenangan dan kemewahan ketika itu. Walaupun amat disanjungi dan dihormati oleh masyarakat, beliau tetap bergaul mesra dengan kanak-kanak dan amat menghormati Ibunya yang sentiasa menemani dan memberi sokongan sepenuhnya terhadap perjuangannya selama ini. Ketinggian ilmu belaiu membuatkan ramai rakannya yang bertanyakan segala permasalahan dan dijawab berdasarkan ilmu yang dimilikinya. Namun sekiranya persoalan tersebut tidak dapat dijawab, beliau secara terus terang mengakui bahawa tidak mampu menjawab persoalan itu. Selain itu Tok kenali bersikap pemurah terhadap golongan miskin dan kanak-kanak beliau percaya melepaskan kesusahan oranglain akan diberikan kemudahan oleh Allah dan diberi rezeki pada jalan yang tidak disangka-sangka.

Suatu kelebihan buat Tok Kenali mempunyai minat yang mendalam terhadap ilmu dan gemar membaca wacana ilmiah. Beliau sering dilihat duduk berbincang mengenai pelbagai isu dan masalah bersama ahli agama yang lain bagi memikirkan segala penyelesaian dan jawapan bagi setiap persoalan yang sukar untuk rungkaikan. Selain membaca buku agama, beliau turut menambahkan koleksi maklumat tentang pelbagai ilmu daripada jurnal-jurnal ilmu dan buku-buku rujukan termasuklah buku-buku yang dipesan dari luar Negara terutama dari Negara Mesir dan India. Beliau mudah untuk memesan buku yang terbaru kerana mempunyai hubungan dengan tokoh-tokoh agama luar seperti Sayyid Shaykh al-hadi, shaykh Muhammad Abduh dan Rashid Rida.

Kesemua mereka Iini adalah ulama` yang terkenal dikalangan masyarakat dan mempunyai martabat yang tinggi.

Tok Kenali dan Institusi Pondok

Sumbangan terbesar Tok Kenali ialah apabila beliau telah menujuhkan sistem *pondok* dan menjadi diantara individu yang paling giat membangunkan institusi ini. Berita tentang kemasyhuran *Pondok Kenali* telah tersebar luas disekitar tanah melayu yang menyebabkan ramai penduduk terutamanya disemenanjung melayu datang untuk mempelajari ilmu agama. Tok Kenali begitu komitmen terhadap institusi pondoknya kerana beliau percaya bahawa ilmu merupakan satu wadah yang dapat membebaskan manusia daripada kesesatan dan kejahilan. Sistem ini merupakan acuan modul daripada pengajaran Islam tradisional yang mengikuti system pengajaran terdahulu iaitu *kata'ib* (Sekolah Al-Quran). Pada waktu itu kata'ib memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan dakwah Islam. Walaupun sistem ini masih digunakan di sesetengah negeri sekarang ini, tetapi kewujudannya seolah-olah tenggelam ditengah-tengah pembangunan sekolah-sekolah Islam moden, sekolah-sekolah sekular dan juga bilangan guru *murshid* yang mengajar al-Quran tidak mencukupi.

Menurut `Abdullah al-Qari, setelah Tok kenali kembali dari Mekah, beliau telah menubuhkan *pondok* di kampungnya iaitu `Kenali`. Ternyata keputusan beliau untuk menubuhkan institusi ini telah diimpikan sekian lama. Pada asalnya, *pondok* ini hanya mempunyai tiga orang pelajar iaitu ; Ahmad, Muhammad bin Haji Yusuf dan Shaykh `Uthman al-Kelantani.³⁶ Teknik pengajaran yang diperkenalkan oleh Tok kenali pada ketika itu berbeza jika dibandingkan dengan teknik mengajar sekarang di mana beliau amat menekankan konsep hafalan. Seajar dengan maksud sebuah peribahasa Arab ada mengatakan : al-`ilm fi al-sudur la fi al-sutur, yang bermaksud : ilmu itu di dada (hafalan) dan bukannya di buku. Tok Kenali berpendapat bahawa ilmu yang sebenar datang daripada pemahaman dan bukannya daripada huruf-huruf pada buku itu sendiri. Teknik ini sangat terkenal bukan sahaja dalam bidang pembelajaran Islam bahkan juga di kalangan komuniti Melayu dalam bidang perubatan tradisional. Teknik ini pernah diperkenalkan di kalangan ulama` Islam suatu masa dahulu. Ia di ambil daripada pengalaman beliau sendiri semasa di Mekah, di mana beliau sentiasa belajar secara hafalan kerana tidak mampu untuk membeli buku.

Sukatan Pelajaran Dalam Sistem Pendidikan Pondok

Tok Kenali tidak menghadkan pengajaran dalam sesbuah bidang khusus sahaja, malah institusi ini meyediakan semua lapangan ilmu Islam termasuklah tatabahasa dan morfologi Arab, ilmu ketuhanan atau teologi, hukum hakam Islam, kewalian dan pentafsiran. Dalam bidang tatabahasa dan morfologi Arab, beliau menggunakan beberapa jenis buku sebagai alat bantu mengajar, dan merangkumi tiga peringkat : peringkat permulaan, pertengahan dan atasan. Untuk peringkat permulaan dan pertengahan, beliau menggunakan buku-buku seperti ; *Matn al-Ajurumiyyah* dan *Matn al-Bina*. Manakala untuk peringkat atasan, beliau menggunakan buku *Sharah Ibnu `Uqail*, *Matn al-Fiyyah* dan tafsiran daripada *al-Usymuni* dan *al-Labib* oleh Ibn Hisham.³⁷ Bagi pelajaran teologi pula, beliau menggunakan buku *Matn al-Jauharah al-Tawhid* karangan Imam Ibrahim al Laqani dan *Matn al-Sanusiyyah* yang ditulis oleh Imam Muhammad bin Yusuf al-Sanusi. Beliau juga menggunakan buku *Aqidah al-Najjin* nukilan Tuan Minal, menghuraikan tentang kepelbagai mazhab dalam Islam serta pegangan dan kepercayaan masing-masing³⁸. Dalam bidang hukum hakam Islam untuk peringkat permulaan dan pertengahan, beliau menggunakan buku *Matn al-Safinah al-Naja* dan *Fath al-Qarib* ; *al-Tahrir* dan *al-Iqna`*. Manakala untuk peringkat atasan, beliau menggunakan buku *al-Majmu`* dan *al-Umm* yang dikarang oleh Imam al-Shafi`i.³⁹

Dalam bidang perwalian pula, peringkat permulaan ppembelajaran adalah menggunakan buku *Bidayah al-Hidayah* dan *Ayyuha al-Walad* oleh al-Ghazali. Manakala untuk pelajar-pelajar peringkat atasan, beliau menggunakan *Hidayah al-Salikin* oleh `Abdul Samad al-Palimbangi,⁴⁰ *Ihya` `ulum al-Din* oleh al-Ghazali dan *al-Hikam* oleh Ibn `Ata`illah.⁴¹ Bagi para pelajar yang berminat mendalami ilmu tafsir al-Quran, beliau mengambil *Tafsir al-Jalalain* oleh Jalal al-Din al-Sayyuti, *Tafsir Jamal `Ala al-Jalalain* dan *Tafsir al-Khazin*⁴² sebagai rujukan utama. Selain memiliki ilmu agama yang tinggi, Tok Kenali boleh mengajar anak muridnya di bidang akademik seperti sains, sejarah dan astronomi. Buku sains yang di gunakan di hasilkan oleh beliau sendiri, yang mana beliau telah mengenalpasti pembahagian kejadian Tuhan iaitu ;

³⁶ Al-Qari Abdullah,1969,Cerpin-Cerpin Tok Kenali, Kelantan

³⁷ Al-Qari Abdullah,1988, Detik-detik Sejarah Tok Kenali,Kelantan.

³⁸ Al-Qari Abdullah, 1963,*passim*.

³⁹ Al-Qari Abdullah, 1988, **Kelantan Serambi Mekkah di Zaman Tok Kenali**,Kelantan

⁴⁰ Al-Qari,1967,*passim*

⁴¹ Al-Qari Abdullah, 1981,*passim*

⁴² Al-Qari,1988,**Pusaka Tok Kenali**,Kelantan

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

manusia, tumbuhan dan haiwan, tapi malangnya buku-buku tersebut tidak dapat di jejaki pada hari ini kerana ianya telah di curi. Menurut *al-Qari*, beliau sendiri telah melihat buku tersebut di Perpustakaan Universiti Malaya semasa beliau belajar di sana.⁴³ Walaubagaimanapun, berdasarkan kepada artikel-artikel yang di tulis oleh Tok Kenali dalam majalah Pengasuh dan al-Hidayah, kemahirannya dalam alam sains adalah terbukti.

Hasil daripada penubuhan institusi pondok ini, telah muncul sebilangan ulama` yang bakal menyambung kerja-kerja beliau. Kumpulan ulama` ini menjadi pemimpin yang mempunyai ketekunan dan kepakaran seperti Haji Ya`qub bin Haji Isma`il,⁴⁴ yang mempunyai kepakaran dalam bidang teologi, hukum hakam, perwalian dan pentafsiran Al-Quran, Shaykh Salih dan Shaykh Ahmad, dua orang pakar dalam bidang teologi, manakala Haji `Abdullah Tahir, Shaykh `Uthman Jalaluddin, Haji `As`ad bin Haji Daud, Haji `Ali Salahuuddin pula mempuai kecekapan dalam bidang hukum hakam Islam. Dalam bidang perwalian pula, Haji Ya`qub bin Ahmad, Haji Daud bin Haji `Umar dan Haji Ya`qub bin Isma`il adalah ulama`-ulama` hebat dan bertauliah. Manakala ulama`-ulama` yang pakar dalam ilmu pentafsiran Al-Quran ialah Dr Shaykh Muhammad Idris al-Marbawi, Shaykh `Uthman Jalaluddin dan Dato` Haji Hassan Yunus. Perkembangan ilmu bermula di institusi pondok ini menyebabkan pelbagai kerja-kerja ilmiah dapat dirintis seperti kejayaan Dr Shaykh Muhammad Idris al-Marbawi yang menjadi orang yang pertama membukukan kamus Arab-Melayu, dan dalam bidang ilmu hadis, beliau telah menulis tafsir *Hadis al-Tirmizi* dalam kitabnya yang berjudul *Bahr al-Mazi* yang mencapai 22 jilid. Haji Ya`qub bin Ahmad, seorang ulama` sufi, telah di kenali sebagai seorang yang pakar dalam bidang astrologi. Shaykh `Uthman Jalaluddin pula, di samping menjadi ketua dalam bidang hukum hakam Islam, beliau juga pakar dalam pentakwilan Al-Quran dan sejarah, yang mana semua ini dapat di lihat daripada hasil penulisan beliau. Organisasi pondok kenali telah berjaya melahirkan para cendiakawan islam dan kejayaan ini menunjukkan impian dan harapan Tok kenali akhirnya terlaksana.

Tok Kenali bukanlah nama yang begitu komersial untuk dicanangkan kepada dunia tentang kewujudannya tetapi peranan dan sumbangan beliau terlalu besar terhadap kemajuan ilmu di pentas dunia melayu yang berjaya mencorakkan pelapis-pelapis ulama` masa depan bagi meneruskan usaha citra dakwah.perjalanan hidup beliau boleh digambarkan dengan kelibat seorang anak muda misskin yang berjalan kaki untuk mengaji agama hingga menjadi seorang ulama tersohor yang mampu merintis jalan ke mercu kegemilangan ilmu. Beliau bagaikan sebutir mutiara di nusantara yang tiada nilainya.

Pondok kenali seolah-olah bagi menceritakan kegigihan ulama' zuhud yang berjaya mendirikan tapak pembangunan ilmu demi kepentingan agama dan masyarakat. Tekun, gigih, taat, optimis, cekal, komited, tawaduk, warak; itulah perkataan yang dapat digambarkan tentang diri Tok Kenali. Tidak hairan jika dikatakan beliau adalah seorang ulama' sufi yang memiliki ketinggian ilmu dan budi serta kerendahan hati. Peranan dan sumbangan yang telah beliau curahkan harus dipandang sebagai salah satu faktor keunggulan tamadun melayu hari ini dan detik-detik perjalanan perjuangan beliau harus dihargai dan harus dibukukan sebagai satu sejarah yang tidak ternilai.Kelahirannya bagi ditunggu sebagai pejuang nasib bangsa dan pemergiannya bagi kehilangan sesuatu yang amat berharga. Perjuangan tiga cendiakawan ini boleh dijadikan inspirasi dalam meneruskan perjuangan lidah Anbia'

⁴³ Haji Muda, Asad Shukri, 1962, *passim*

⁴⁴ Dr. Muhammad taqiuddin al-Hilali, Dr. Muhammad Muhsin Khan, 1993, *The Noble quran in The English Language*, Saudi Arabia.

Penuntut-Penuntut Institusi Pondok Tok Kenali

Kebanyakan penuntut yang belajar melalui sistem pondok ini adalah masyarakat yang terdiri daripada penduduk daerah kelantan dan negeri-negeri jirannya. berikut merupakan individu – individu yang tersenarai sebagai pelajar-pelajar Ponndok Tok Kenali.

Kelantan

Kota Bahru

1. Haji Ahmad bin Tok Kenali.(1933-1979)
Beliau meneruskan kerja-kerja Tok Kenali dan menjadi salah seorang pendidik di institusi ini.
2. Haji Daud bin Haji Muhammad Amin.
Selepas satu tahun mengajar di pondok Tok Kenali (1947-1948) beliau telah berjaya membuka satu pondok yang diusahakannya sendiri di Selising, Pasir Putih.
3. Haji Muhammad bin Haji Yusuf.
Beliau belajar dan seterusnya menjadi tenaga pengajar di *Pondok Tok Kenali* dan kemudiannya turut mendirikan sekolah pondoknya sendiri iaitu *Pondok Kubur Tok Kenali*.
4. Muhammad Yunus bin Hassan.
Graduan *Pondok Ahmadiah* yang telah menjadi kakitangan pengajar di *Pondok Kubur Kenali*.
5. Haji ‘Abdullah bin Awang Besar.
Selepas belajar di *Pondok Tok Kenali*, beliau telah melanjutkan pelajaran di Mekkah. setelah tamat pengajiannya di mekkah beliau membantu rakannya (Haji Muhammad bin Haji Yusuf) mengajar di *Pondok Kubur Tok Kenali*.
6. Haji ‘Abdullah Tahir bin Ahmad. (1931-1951)
Beliau merupakan pengasas *Pondok Ahmadiah Bunut Payung*. *Pondok* itu telah diperbesarkan setelah kematian Tok Kenali. Kebanyakan para pelajar lepasan dari pondok tersebut memiliki ilmu yang hebat dalam perundangan Islam.
7. Haji ‘Abdul Aziz bin Abu Bakar.
Beliau masih hidup sehingga hari ini dan telah mendirikan *Pondok Pasir Tumbuh*, selepas sekembalinya beliau dari kota Mekkah. Pondok ini di akui sebagai pondok yang terbesar di selatan timur asia yang mana memiliki tiga ribu pelajar dari segenap lapisan masyarakat.
8. Haji Mustafa bin Abu Bakar.
Beliau merupakan abang kepada Haji ‘Abdul Aziz dan merupakan pembantu penguasa di *Pondok Pasir Tumbuh*.
9. Haji Nik Muhammad bin Raja Banjar.
Beliau telah mendirikan pondok di Kedai Lalat, Kota Bahru dan kemudiannya diteruskan oleh anaknya iaitu Dato' Haji Nik Aziz (menteri Besar kelantan dari tahun 1990 sehingga sekarang)
10. Haji ‘Ali Salahuddin bin Awang.
Beliau merupakan pengasas pondok ‘*Madrasah al-Fallah*’ di Pulai Pisang, Kota Bahru.
11. Haji Ahmad bin Idris.
Beliau merupakan pengasas *Pondok Kampung Pauh*, Kota Bahru.
12. Haji Muhammad Nor bin Awang Hamat.
Beliau merupakan pengasas *Pondok Kedai Mulung Nilam Puri*, Kota Bahru.
13. Haji Nik ‘Abdullah bin Haji Wan Musa.(1900-1934)
Walaupun beliau hidup sama generasi dengan Tok Kenali, beliau juga seringkali

bertandang ke pondok tok kenali untuk mempelajari ilmu. Beliau mempunyai kepakaran dalam ilmu hadith yang mana telah mempelajari ilmu hadith lebih terperinci di India (bersama Maulana 'Ubaid-llah al-Sindi) dan di Mekkah.

14. Haji Muhammad Nor bin 'Abdullah.
Beliau merupakan menantu kepada Haji 'Abdullah Tahir. Beliau telah dilantik sebagai pembantu penguasa di *Pondok Ahmadiyah Bunut Payung*, Kota Bahru.
15. Haji Hasbullah bin Yusuf.
Beliau telah berpindah ke Sabah, di Malaysia Barat, dan mendirikan *pondok* di Kota Kinabalu, ibu negeri Sabah.
16. Haji 'Abdul Qadir bin Sulaiman.
Beliau merupakan pengasas *Pondok Melor*.
17. Haji Mahmud.
Beliau merupakan pengasas *Pondok Buk*, Keterah.
18. Haji Muhammad bin Haji 'Umar.
Pengasas *Pondok Kampung Gong*, Kemudu.
19. Haji Hamzah bin Haji Yunus. (1904-1984)
pengasas *Pondok Padang Bemban*.
20. Haji Yusuf bin Haji Isma 'il.
pengasas *Pondok Padang Luar*.
21. Haji Muhammad 'Umar.
Pengasas *Pondok Kampung Teras*.
22. Awang Nuh Bawal.
Pengasas *Pondok Kedai Baru*.
23. Lebai Hassan bin Idris.
Pembantu penguasa *Pondok Kedai Baru*.
24. Haji Salih bin Haji Awang.
Pengasas *Pondok Sering*.
25. Haji Daud bin Haji Sulong.
pengasas *Pondok Kampung Pancur*.
26. Haji Yusuf.
Pengasas *Pondok Padang Kuala*.
27. Haji Isma 'ilYusuf.
Beliau telah mendirikan pondok di kampungnya iaitu *Kampung Perul*, selepas itu beliau dilantik sebagai pembantu guru di *Pondok Kubur Kenali*, selama satu tahun.
28. Haji Wan Yunus bin Wan Buang.
Beliau telah mendirikan *Pondok* di Pasir Tumbuh, dan sebelum itu beliau merupakan pelajar Tok Kebnali dan pernah menjadi pembantu guru di *Pondok* Tok Kenali.

Daerah Pasir Putih

1. Haji Daud bin Haji Muhammad Amin.
Beliau telah mendirikan *Pondok Kampung Selising* di tahun 1934, dan kemudiannya berpindah ke *Pondok Kubur Kenali* pada tahun 1947 untuk membantu rakannya Haji Muhammad Yusuf.
2. Haji Zakaria bin Haji Taib.
Beliau meneruskan kerja-kerja Haji Daud bin Haji Muhammad Amin selepas beliau dipindahkan ke *Pondok Kubur Kenali*. Beliau meninggal dunia pada tahun 1986 di *Kampung Selising*.
3. Haji 'Abdul Mutt'Alib bin Awang.
Beliau merupakan pengasas kepada dua *pondok*; *Pondok Melor* dan *Pondok Bukit*

Abal.Beliau telah meninggal dunia pada tahun 1965 .

4. Haji Daud bin Haji 'Umar.
Beliau merupakan seorang guru sufi yang terkenal dan mengasaskan *Tariqat Ahmadiyah di Malaysia*. Beliau juga mendirikan *Pondok di Bukit Abal*.
5. Haji Isma 'il bin Salih.
pengasas *Pondok Padang Pak Amat*.
6. Haji Ya'qub bin Awang.
pengasas *Pondok Kampung Panggung*.
7. Haji Muhammad.
Pengasas *Pondok Batu Hitam*.
8. Haji Nik 'Abdul Qadir bin Nik Mat.
pengasas *Pondok Kampung Lembah, Semerak*.
9. Haji Nik Yusuf bin Nik Mat
Beliau merupakan abang kepada Haji Nik 'Abdul Kadir. Beliau pernah menjadi pembantu di *Pondok Kampung Lembah, Semerak*.
10. Haji Nik Salih bin Nik Mat
Beliau merupakan seorang lagi abang kepada Haji Nik 'Abdul Qadi dan menjadi pembantu di *Pondok Kampung Lembah, Semerak*.
11. Haji Muhammad bin 'Abdullah
Pengasas *Pondok Padang Kolam*. Beliau juga mendirikan masjid yang bernama Masjid al-Taqwa.

Daerah Bachok

1. Haji Muhammad bin Haji Yusuf
Beliau merupakan pengasas *Pondok* di bandar Bachok. Tok Kenali amat menyayanginya kerana kesungguhan dan ketekunan beliau dalam mendalami ilmu walaupun beliau merupakan seorang yang cacat.beliau juga merupakan salah seorang pelajar yang dijadikan contoh kepada para pelajar lain.

Daerah Tumpat

1. Haji 'Abdullah bin Haji Salih
Pengasas *Pondok Sarang Burung, Berangan*.
2. Haji Ya'qub
Pengasas *Pondok Kelong, Berangan*.

Daerah Pasir Mas

1. Haji 'Abdul Ghani
Pengasas *Pondok Padang Bemban* berdekatan dengan bandar *Pasir Mas*.
2. Haji 'Abdul Rahman
Pengasas *Pondok Lubuk Tapah*.
3. Haji Muhammad
Pengasas *Pondok Kampung Batu Tiga*, berhampiran jalan lama ke *Rantau Panjang*.
4. Haji 'Umar
Pengasas *Pondok Banggol Kulim, Rantau Panjang*.

Selain menerima kedatangan para pelajar dari daerah Kelantan sendiri, Pondok Tok Kenali juga didatangi dengan sejumlah pelajar dari seluruh Malaysia seperti Terengganu, Pahang, Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Selangor, Perak, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

Negeri Terengganu

1. Haji Bidin
Pengasas *Pondok Kampung Sura*, Terengganu.
2. Haji ‘Abdullah
Pengasas *Pondok Kemaman*.
3. Haji ‘Abbas
Pengasas *Pondok Kampung Kuala-Ibar*. Beliau masih hidup hingga hari ini dan menjadi ahli lembaga Islam Negeri Terengganu.
4. Haji Ya ‘cobbin Awang
Pengasas *Pondok Seberang Takir*.
5. Haji ‘Abdul Latif
Pengasas *Pondok Alor Keladi*, Besut.
6. Wan Ibrahim
Pengasas *Pondok Amir*, Besut.

Negeri Pahang

1. Haji Ibrahim bin Muhammad ‘Arif.
Beliau berasal dari Kapar, Indonesia tetapi kemudiannya berpindah ke Pahang dan mendirikan *Pondok Madrasah al-Tarbiyyah*, Kerdau.
2. Haji Isma ‘il bin Haji Sulaiman
Pengasas *Pondok Karak*.

Negeri Johor

1. Haji “Ali
Pengasas *Pondok Muar*. Tambahan lagi beliau telah dilantik menjadi Qadi di Johor pada ketika itu.
2. Haji ‘Abdul Wahid
Pengasas *Pondok Sungai Udang*.

Negeri Selangor

1. Haji ‘Abdul Jalil
Pengasas *Pondok Kampung Pandan*. Beliau merupakan Mufti di Selangor pada ketika itu.

Negeri Perak

1. Haji ‘Abdul Aziz
Pengasas *Pondok Tanjung Tualang*

Negeri Kedah

1. Haji ‘Abdul Aziz
Pengasas *Pondok Kampung Pendang*.
2. Haji ‘Abdul Majid bin Awang
Pengasas *Pondok Kampung Kuala-Cempedak*, Gurun.

3. Haji Ahmad bin Muhammad
Pengasas *Pondok Kampung Jerai* yang memiliki kepakaran dalam ilmu Fiqh yang merangkumi madzhab Shafie, Hanafi, Maliki dan Hanb'Ali.
4. Tih bin Sulaiman
Pengasas *Pondok Kubang Rotan*.
5. Haji 'Umar al-Zuhdi bin Haji Salih
Pengasas *Pondok Kampung Lanang*, Kupang.
6. Haji Awang
Pengasas *Pondok Permatang*, Nibong.
7. Haji 'Abdullah
Pengasas *Pondok Sidang*.
8. Haji 'Abdul Latif
Beliau berasal dari Kedah tetapi selepas tamat pengajian di *Pondok Kenali*, tetapi beliau tidak kembali ke Kedah malah meendirikan *Pondok Kampung Perul* di Kadok, Kelantan.
9. Haji Isma 'il bin Haji Sulaiman
Pengasas *Pondok Merbok*.
10. Haji Uthman bin Haji Yunus
Pengasas *Pondok Bukit Besar*. Beliau berasal dari Kelantan.

Negeri Perlis

1. Haji 'Abdul Rahman
Pengasas *Pondok Arau*, Perlis.

Pulau Pinang

1. Haji Harun bin Salih
Pengasas *Pondok Seberang Prai*.
2. Ustaz Haji Yahya
Beliau berasal dari Sumatra, Indonesia, selepas menamatkan pengajian di *Pondok Kenali*, beliau telah berpindah ke Pulau Pinang dan mendirikan *pondok* di sana.
3. Haji 'Uthman Jalaluddin
Beliau merupakan murid pertama Tok Kenali. Beliau berasal dari Kelantan dan telah melanjutkan pelajaran ke Mekkah. Beliau telah mendirikan *pondok* Bukit Mertajam.

Para Pelajar Dari Negara Jiran

Para pelajar Tok kenali juga adalah daripada masyarakat luar Malaysia yang turut membina institusi Pondok mereka setelah tamat belajar di Pondok Tok Kenali. Diantara pelajar-pelajarnya ialah:

Thailand

1. Haji Ya 'cobbin Isma 'il
Pengasas *Pondok Legor*, Selatan Thailand.
2. Haji 'Abdul Rahman
Pengasas *Pondok* di Bandar Bangkok.
3. Haji Muhammad
Pengasas *Pondok Bukit Tar*, Selatan Thailand.
4. Haji 'Abdullahbin Awang Hamat
Pengasas *Pondok Weng*, Selatan Thailand.

5. Haji Muhammad Nor W'Ali
Pengasas *Pondok Cenok*, Selatan Thailand.
6. Wan Sulaiman
Pengasas *Pondok Jakar*, Selatan Thailand.

Cambodia

1. Haji Sulaiman bin Muhammad Tahir
Beliau merupakan satu-satunya murid Tok Kenali yang telah mendirikan pondoknya sendiri di Cambodia. Walaubagaimanapun, pondok tersebut telah musnah semasa perang Vietnam di sekitar tahun 70-an.

Indonesia

1. Zu al-Mukhtasar bin Zu al-Fudail
Beliau merupakan pengasas *Pondok* di Jawa Tengah. Beliau juga telah menjadi mufti di tanah jajahan Jawa Tengah.
2. Haji Ibrahim bin Haji Muhammad 'Arif
Beliau berasal dari Kapar, Indonesia tetapi telah berkahwin dengan gadis Kelantan dan berhijrah ke Pahang lalu mendirikan pondok di sana yang dinamakan *Pondok Kerdau*.
3. Haji Budin al-Mend'Aling
Di *Pondok* Tok Kenali, beliau telah menjadi pembantu Tok Kenali dan kemudiannya beliau berpindah ke Kedah dan mendirikan pondok di sana.
4. Haji Yahya
Pengasas *Pondok Gelugur*.

Kebanyakan pelajar-pelajar Tok Kenali telah mendirikan pondok di tempat masing-masing sebagai usaha meneruskan lagi sistem pendidikan yang berkesan pada ketika itu. Institusi pondok di katakan sebagai satu pusat ilmu agama yang paling berpengaruh pada ketika itu yang berjaya melahirkan manusia yang terbilang dalam menguasai setiap lapangan ilmu.. peranan pondok juga dikatakan sangat besar dalam membawa pengaruhnya bagi mencetuskan kebebasan dari tangan penjajahan Belanda dan seterusnya mendapat kemerdekaan pada tahun 1957.

Malangnya setelah negara mendapat kemerdekaan, telah wujud satu kumpulan nasionalisme yang mendominasi pengaruhnya ketika itu. Akibatnya, rancangan para ulama' untuk menjadikan Malaysia sebagai negara Islam sepenuhnya tidak kesampaian dan hanya dijadikan negara yang mengamalkan sebahagian sahaja ajaran Islam dan berlandaskan sistem sekular. Pengasas kepada kumpulan Nationalisme ini ialah Dato' Onn Jaafar yang merupakan ahli parti U.M.N.O manakala kumpulan pejuang Islam pula dipimpin oleh Muhammad 'Abdul Baqir, Muhammad Fuad Hassan dan Dr Burhanuddin H'Alim yang menyertai parti *Hizbul Muslimin*. Kemudiannya parti ini telah bertukar nama kepada Parti Islam Semalaysia atau singkatannya P.A.S. Para pelajar Tok Kenali tidak hanya terlibat dalam sistem pondok sahaja tetapi ada diantara mereka yang turut melibatkan diri dalam politik, eksekutif, penulis dan ada yang telah menjadi pemimpin masyarakat seperti Mufti, Qadi dan pembesar-pembesar negeri. Disini menunjukkan bahawa institusi pondok ini berjaya membentuk para pelajarnya untuk menjadi insan yang cemerlang bukan sekadar memiliki ilmu agama yang tinggi tetapi juga mampu memiliki ilmu dan kemahiran dibidang-bidang akademik.

Senarai Para Pelajar Yang Tidak Terlibat Dalam Mendirikan Institusi Pondok Tetapi Mempunyai Kecenderungan Dan Kecemerlangan Di Bidang Masing-Masing.

Negeri Kelantan

1. Haji Mahmud bin Tok Kenali.
2. Haji Muhammad Salih bin Tok Kenali.
3. Haji ‘Abdullah Zawawi bin Tok Kenali.
4. Dato’ Mufti haji Ahmad Mahir.(Mufti Kelantan (1946-1968).
5. Dato’ Mufti Haji Isma ‘il bin Yusuf.The Mufti of Kelantan State (1987-1989).
6. Haji Salih bin ‘Abdul Latif.
7. Lebai Ahmad.
8. Dato’ Haji Ahmad bin Isma ‘il.
9. ‘Abdul Qadir Adabi.
10. Muhammad Lundang.
11. Haji Daud bin Muhammad (1909-1988).
12. Haji Awang Mat.
13. ‘Abdul Majid.
14. Haji Wan Isma ‘il.
15. Haji Salih bin Haji Ibrahim.
16. Haji ‘Ali Mentuan.
17. Haji Mahmud bin Ahmad.
18. Haji ‘Abdul Qadir bin Chik.
19. Haji ‘Abdul Rahman bin Musa.
20. Haji Wan Mustafa bin Haji ‘Abdul Rahman.
21. Haji Ibrahim Rupit.
22. Ya ‘cobbin Awang Hitam.
23. Haji Ya ‘cobbin Ahmad.
24. Haji Muhammad Lazim bin Awang.
25. Haji Muhammad Idris.
26. Haji Ahmad bin Mamat.
27. Haji Saman bin Senik.
28. Haji Yunus bin Sulong.
29. Sulaiman bin ‘Abdullah.
30. Muhammad bin Abu Bakr.
31. ‘Abdullah bin Malik.
32. ‘Abdullah Banggul.
33. Haji Salih bin Haji Che Man.
34. Haji Daud bin Yusuf.
35. Haji Awang bin Mamat.
36. Wan Ahmad bin Wan ‘Umar.
37. Haji Wan ‘Abdullah bin Wan ‘Umar.
38. Haji Muhammad.
39. Haji Musa bin Awang.
40. Haji Nik ‘Abbas bin Nik Isma ‘il.
41. Haji Nik Yahya bin Nik ‘Abbas.
42. Haji Zakaria bin ‘Abdul Samad.
43. Haji ‘Abdullah bin Haji Taib.
44. Haji Ishaq bin Awang.
45. Haji Yusuf bin Awang.

46. Haji Isma 'ilCical.
47. Ilyas bin Salih Cical.
48. Haji As'ad bin Haji Daud.
49. Haji Mahmud Genting.
50. Muhammad "Ali bin Taib.
51. Muhammad bin 'Abdul Latif.
52. 'Abdullahbin Abu Bakr.
53. Yusuf bin Samah.
54. Haji 'Abdul Rahman bin Mat Diah.
55. Haji 'Abdul Rahman.
56. Haji Tuan Daud bin Tuan Puteh.
57. Pak Mat Kelantan (Mat Saman bin Sulaiman).
58. Haji 'Abdullahbin Haji Muda.
59. Lebai 'Abdullah.
60. Haji 'Abdul Qadir.
61. Haji 'Abdullah bin Haji 'Abdul Qadir.
62. Haji Ibrahim bin Husin.
63. Tuan Haji Uthman.
64. Haji 'Abdul Rahman bin Awang Mat.
65. Muhammad.
66. Mustafa al-Labib.
67. Tuan Haji Adam bin 'Abdul Rauf.
68. Tuan Haji Muhammad bin Haji Salih al-Hafiz.
69. Tuan Haji Yassin.
70. Tuan Haji Ya 'cob.
71. Tuan Haji 'Abdul Latif bin 'Abdullah.
72. Tuan Haji Awang bin Yusuf.
73. Tuan Haji Taib.
74. Tuan Haji Husin.
75. Tuan Haji 'Abdul Samad.
76. 'Abdul Rahman.
77. Tuan Haji Ya 'cob.
78. Muhammad al-Imam.
79. Tuan Haji Daud.
80. Tuan Haji Wan Isma 'il.
81. Haji Hassan.
82. Haji 'Abdul Rahman bin Haji Zakaria.
83. Tuan Haji Harun bin Ta'.
84. Tuan Haji Muhammad bin Haji Harun.
85. Haji Ya 'cob bin 'Abdullah.
86. Tuan Haji Ya 'cobKacang Goring.
87. Encik Muhammad Bayam.
88. Haji Wan Taib bin Wan Yusuf.
89. Tuan Haji Yusuf bin Senik.
90. 'Abdullah bin Haji 'Abdul Qadir.

Negeri Terengganu

1. Encik Wan Isma 'il.
2. Encik 'Ali bin 'Abdullah.
3. Tuan Haji 'Abdul Rahman.
4. Tuan Haji Ngah 'Abdul Khatib.
5. Encik Muhammad.
6. Encik 'Abdul Latif.
7. Tuan Haji Che Kar.
8. Tuan Haji Mansur Adam.
9. Tuan Haji Hamzah bin Haji Dagang.
10. Tuan Haji Abu Samah.

Negeri Pahang

1. Ustaz 'Abdul Ghani bin Haji Muhammad.
2. Ustaz Husin bin Nordin.

Negeri Johor

1. Dato' Haji Hassan bin Yunus al-Azhari.
2. Tuan Haji Ya 'cob bin Yunus.
3. Tuan Haji Muhammad Salih bin Mahat.
4. Encik Muhammad Kukup.
5. Encik Yusuf Johor.

Negeri Melaka

1. Haji Husain Umbai al-Hafiz.
2. Tuan Haji Jauhar bin Haji 'Abdul Karim.
3. Encik Jaafar bin Hashim.

Negeri Sembilan

1. Tuan Haji Zainal Kuala Pilah.
2. Encik Uthman.

Negeri Selangor

1. Che Mat Selangor.
2. Ta'jib Selangor.
3. Encik Uthman Banting

Negeri Perak

1. Dr Shaykh Muhammad Idris al-Marbawi.
2. Encik Azizi Selama.
3. Tuan Haji Uthman.

Negeri Kedah

1. Tuan Haji 'Abdul Rahman bin Haji Said.
2. Tuan Haji Ariffin

Pulau Pinang

1. Tuan Haji 'Abdul Rahman Kaya.
2. Tuan Haji Salih Padang Menora.

Dari Negara-Negara Jiran

Singapura

1. Encik ‘Uthman Singapura.

Thailand

1. Tuan Haji Muhammad Sulong.
2. Encik Tahir Patani.
3. Tuan Haji Cik Ibrahim.
4. Tuan Haji Muhammad bin Yunus.
5. Tuan Haji Cik Isma ‘il.
6. Tuan Haji ‘Abdul Latif bin Haji Muhammad.
7. Encik ‘Abdul Rahman.
8. Tuan Haji Muhammad Yala.
9. Pak Tih Tahir

Cambodia

1. Tuan Haji ‘Abdul Malik, Phnom Penh.
2. Tuan Haji ‘Abbas.
3. Tuan Haji Ya ‘cob bin Mahmud.
4. Tuan Haji Idris.
5. Tuan Haji ‘Abdullah.
6. Tuan Haji Yahya.
7. Tuan Haji Isma ‘il.
8. Encik Muhammad Salih.
9. Encik Muhammad bin Haji Uthman.
10. Encik Ahmad Tawil.

Vietnam

1. Tuan Haji Ahmad bin Yahya

Indonesia

The students from Republic of Indonesia were divided into several groups according to their states and provinces.

Daerah Sumatra

Medan

1. Encik Idris bin Bahrum (1908-1988).
2. Tuan Haji Mahmud.

Menurut Abdullah al-Qari, kebanyakan pelajar-pelajar Tok Kenali yang berasal dari daerah ini tidak dapat dikesan kerana telah pulang dengan segera ketempat asalnya setelah kematian Tok Kenali.

Daerah Asahan

1. Tuan Shaykh Anjon.

Tanah Jajahan Deli

1. Encik Ya ‘cob Deli.
2. Encik ‘Abdul Jalil.

Siak

1. Encik ‘Abdul Rahman Siak.

Kampar

1. Tuan Haji Isma ‘il Kerdau.
2. Tuan Haji Tahir.
3. Tuan Haji ‘Abdul Jalil.

Tanah jajahan Indra Giri.

1. Hassan bin Muhammad (1901-1981).

Jambi

1. Encik Abu Bakar.
2. Encik Buyung.
3. Encik Husin.
4. Tuan Haji ‘Abbas bin Haji ‘Abdullah Iman.
5. Tuan Haji Yahya.
6. Encik Shihabuddin.
7. Encik Anwar.

Palembang

1. Haji ‘Abdul Hayy bin Majidin.
2. Tuan Haji Shihabuddin

Jawa

1. Tuan Haji ‘Umar.

Daerah Kalimantan

1. Haji ‘Abdul Samad.(Mufti Kalimantan)
2. Haji ‘Abdullah Tungkal.
3. Haji ‘Abdul Rahman.

Tok kenali mempunyai Pengaruh yang besar di kepulauan melayu. Status guru Murshid yang digelar ke atasnya memperlihatkan kehebatan Tok Kenali sebagai seorang tokoh Cendiakawan yang tiada tandingannya. Institusi pondok telah mengajar manusia untuk maju di segala segi dan menolak sekeras-kerasnya kekerasan dan kekejaman yang berlaku disekitarnya. Gerbang ini telah memberi laluan kepada masyarakat nusantara untuk bebas dibelenggu dari kejahilan dan seterusnya mencari makna sebenar dalam kehidupan. Institusi pondok ini juga dikatakan sebagai wadah penyatuan bangsa rumpun melayu yang mempunyai perbezaan bahasa dan budaya tetapi dapat disatukan dibawah satu atap yang sama.

Malangnya institusi ini tidak lagi terkenal dan masyhur sebagaimana zaman di Tok Kenali dan pengikut-pengikutnya. Ini kerana berdasarkan beberapa faktor yang menjadi penyebab kesuraman institusi ini di mata masyarakat selepas itu. Diantaranya ialah:

1. Kekurangan ulama' yang dapat menguasai ilmu agama.
2. Para pelajar lepasan institusi ini tidak mendapat pengiktirafan daripada kerajaan.
3. Latar belakang politik yang lebih radikal serta mengetepikan parti Islam yang di pelopori oleh penuntut-penuntut institusi pondok.
4. Saingan daripada sekolah sekular dan sekolah moden Islam yang telah diwujudkan oleh pihak kerajaan dan tiada sukanan pelajaran yang khusus di institusi pondok ketika
5. Para pelajar lepasan sekolah sekular dan sekolah islam moden lebih mendapat perhatian dan di pandang tinggi berbanding para pelajar lepasan institusi pondok ini.
6. Hari ini institusi pondok dikatakan sebagai institusi yang bersifat konseratif dan kolot serta diangap sebagai menolak proses kemodenan.
7. Kebanyakan pondok hari ini ditempatkan di kawasan yang tidak mendapat perhatian dan tarikan masyarakat dan kebanyakannya ditempatkan di kawasan luar bandar.

Bibliografi

- Abdullah al-Qari,1963, Kekeramatan Tok Kenali, Kelantan.
Abdullah al-Qari, 1967, Sejarah Hidup Tok Kenali, Kelantan.
Abdullah al-Qari, 1988, Sikap Dan Pandangan Tok Kenali, Kelantan.
Al-Qari, Detik-Detik sejarah Hidup Tok Kenali, Kota Bahru, 1988.
Al-Qari Abdullah,1969, Cerpin-Cerpin Tok Kenali, Kelantan.
Al-Qari Abdullah,1988, Detik-detik Sejarah Tok Kenali, Kelantan.
Al-Qari Abdullah, 1988, Kelantan Serambi Mekkah di Zaman Tok Kenali, Kelantan.
Al-Qari,1988, Pusaka Tok Kenali, Kelantan.
Al-Qari, Sumbangan Tok Kenali kepada Dunia Ilmu.
Anthony Reid, 1969, The Contest of North Sumatra, Universiti Malaya Press, Kuala Lumpur.
Asad Shukri Haji Muda,1962, Sejarah Kelantan, Kota bahru.
Che Daud, 1975, Wan "Ali Kutan", Pengasuh, hlm.21
Dr. Muhammad Taqiuddin al-Hilali, Dr. Muhammad Muhsin Khan,1993, The Noble quran in The English Language, Saudi Arabia.
Haji Nik Hassan, Sejarah perkembangan Ulama' Kelantan.
Isma'il Awang, Mufti Haji Wan Musa (1874-1939),1977, Pengasuh, hlm 26.
Isma'il mat, Ulama' Silam Dalam Kenangan, Kuala Lumpur, 1988, hlm.36
Isma'il Awang, Shaykh Ahmad bin Abdul latif al-Khatib al-Minangkabau, *Pengasuh*, februari 1975, hlm. 17-21
Ismail Awang, Julai 1976, 'Shaykh Daud al-Pattani', Pengasuh, hlm37
Isma'il Che Daud,1988, Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1), Kota Bahru.
Muhammad Taib Uthman, 1961, Hikayat Seri Kelantan, Universiti Malaya.
Muhammad salih, Chatitan Ringkas Tentang Sumber-Sumber Tempatan Mengenai Sejarah Kelantan, Journal Persatuan sejarah Kelantan.
Nik Muhammad bin Muhammad Salih, Chatitan Ringkas Tentang Sumber-Sumber Tempatan Mengenai Sejarah Kelantan, Journal Persatuan Sejarah Kelantan, Kota Bahru.
Tokoh dan Pokok Pemikiran Tok Kenali, dikeluarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, Kuala Lumpur, 1983.
Tuan Tabal', Pengasuh, November 1976.